A **MAHMOOD RAFAT MANESH VAGHEI ALIMOHAMMAD**

lwn.

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI MALAYSIA & YANG LAIN

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
KAMARDIN HASHIM H
[PERMOHONAN JENAYAH NO: 44-17-2010]
25 OKTOBER 2010

C

TAHANAN PENCEGAHAN: *Perintah tahanan - Permohonan untuk habeas corpus - Sama ada penahanan tidak berasas dan tidak sah - Sama ada Timbalan Menteri bertindak secara mekanikal semasa mengeluarkan perintah tahanan - Sama ada perintah tahanan dikeluarkan menurut peruntukan di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985*

D

Pemohon, seorang warganegara Republik Islam Iran, memfailkan satu notis usul (lampiran 3) untuk satu perintah writ *habeas corpus* dikeluarkan oleh mahkamah ini bagi membebaskan beliau daripada tahanan Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Simpang Renggam, Johor. Pemohon mengatakan bahawa penahanannya adalah langsung tidak berasas dan tidak sah. Pemohon telah diperintahkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjalani pemulihan selama dua tahun di PPA melalui perintah tahanan yang dikeluarkan menurut peruntukan di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta LLPK) setelah YB Timbalan Menteri berkenaan berpuashati bahawa pemohon sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubung dengan atau melibatkan pengedaran dadah berbahaya jenis syabu dan YB Timbalan Menteri itu berpuashati bahawa adalah perlu pemohon ditahan atas sebab-sebab ketenteraman awam. Isu-isu yang dibangkitkan adalah (i) sama ada terdapat perlanggaran terhadap peruntukan di bawah s. 6(1) Akta LLPK oleh YB Timbalan Menteri; (ii) sama ada Timbalan Menteri telah bertindak secara mekanikal dan tanpa menggunakan mindanya semasa mengeluarkan perintah tahanan dan (iii) sama ada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa semulajadi sepenuhnya untuk mengelakkan ketidakadilan dengan membebaskan pemohon dari tahanan.

E

F

G

H

I

Diputuskan (menolak permohonan pemohon):

(1) Adalah jelas bahawa kandungan afidavit jawapan Timbalan Menteri serta perintah tahanan telah menunjukkan kepada kepuasanhati Timbalan Menteri berkenaan. Perkataan 'berpuashati' yang terdapat dalam perintah tahanan yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri hendaklah dibaca secara bersama-sama iaitu beliau berpuashati pemohon telah atau sedang dalam aktiviti pengedaran dadah dan berpuashati bahawa pemohon perlu ditahan demi ketenteraman awam. Timbalan Menteri jelas menunjukkan kepuasan hati terhadap dua perkara tersebut yang disebutkan di bawah s. 6(1) Akta LLPK. Pemohon perlu ditahan memandangkan perkataan 'dan' telah digunakan selepas perkataan-perkataan 'aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya'. (perenggan 10, 12 & 14)

(2) Jelas Timbalan Menteri telah menggunakan minda sebelum mengeluarkan perintah tahanan ke atas pemohon. Walaupun peguambela mengemukakan bukti bagi menafikan sebahagian pengataan-pengataan fakta, namun sebahagian pengataan-pengataan fakta yang berkaitan dengan tempoh antara bulan Ogos 2009 hingga 3 Disember 2010 serta penglibatan pemohon dalam aktiviti pengedaran dadah yang berlaku di McDonald Ampang Park Kuala Lumpur tidak dicabar oleh peguambela pemohon. (perenggan 14)

(3) Pemohon telah gagal menunjukkan bukti-bukti bahawa terdapat ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur seperti digariskan di bawah Akta LLPK. Dakwaan pemohon bahawa terdapat perlanggaran terhadap s. 6(1) Akta LLPK tidak dibuktikan. Perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri untuk menahan pemohon selama dua tahun di PPA Simpang Renggam telah dibuat dengan menggunakan kuasa di bawah peruntukan undang-undang yang sah dan penahanan pemohon di sini adalah sah dan mengikut undang-undang. (perenggan 17)

Kes-kes yang dirujuk:

Asean Security Paper Mills Sdn Bhd v. Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd [2008] 6 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***

Badan Peguam Malaysia v. Kerajaan Malaysia [2009] 1 CLJ 833 FC ***(dirujuk)***

Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister of Home Affairs), Malaysia [1969] 1 LNS 65 FC ***(dirujuk)***

A *Karpal Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor [1988] 1 CLJ 197; [1988] 1 CLJ (Rep) 632 HC* ***(dirujuk)***
Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors [2005] 3 CLJ 914 FC ***(dirujuk)***
Lim Hock Siew & Ors v. Minister of the Interior and Defence [1967] 1 LNS 87 HC ***(dirujuk)***
B *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Case [1993]4 CLJ 336 SC* ***(dirujuk)***
Puvaneswaran Murugiah v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649 HC ***(dirujuk)***
Re Application Of Tan Boon Liat @ Allen; Tan Boon Liat v. Menteri Hal
C *Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors [1976] 1 LNS 126 HC* ***(dirujuk)***
Re Datuk James Wong Kim Min; Minister Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min [1976] 1 LNS 129 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
D Dangerous Drugs (Special Preventive Measures) Act 1985, ss. 3(2), 3(3), 5(2), (3), (4), 6(1), 10

Bagi pihak pemohon - Hj Hisyam Teh Poh Teik; T/n Teh Poh Teik & Co
Bagi pihak pendakwaan - Amir Nasruddin; Peguam Kanan Persekutuan

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin
E

PENGHAKIMAN

Kamardin Hashim H:
F

Permohonan Pemohon

[1] Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan oleh pemohon, Mahmood Rafat Manesh Veghei AliMohammad, seorang warganegara Republik Islam Iran untuk satu perintah writ *habeas*
G *corpus* dikeluarkan oleh mahkamah ini bagi membebaskan beliau daripada tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak (PPA) Simpang Renggam, Johor Darul Ta'zim. Pemohon mengatakan bahawa penahanannya adalah langsung tidak berasas dan tidak sah.

H **[2]** Pemohon telah diperintahkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri untuk menjalani pemulihan selama dua tahun di PPA, Simpang Renggam mulai 18 April 2010 melalui Perintah Tahanan bertarikh 16 April 2010. Perintah Tahanan tersebut dikeluarkan menurut peruntukan di bawah s. 6(1) Akta Dadah Berbahaya
I (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 (Akta LLPK), setelah YB Timbalan Menteri berkenaan berpuashati bahawa pemohon

pernah ada atau sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubung dengan atau melibatkan pengedaran dadah berbahaya jenis syabu dan YB Timbalan Menteri itu berpuashati bahawa adalah perlu pemohon ditahan atas sebab-sebab ketenteraman awam.

Alasan Pemohonan Pemohon

[3] Dalam notis usul dan afidavit sokongan yang difailkan oleh pemohon, sebanyak enam alasan seperti berikut telah dikemukakan, iaitu:

(i) Timbalan Menteri telah bertindak secara mekanikal dan berarbitrari dalam mengeluarkan Perintah Tahanan tersebut dan telah gagal mematuhi peraturan di bawah s. 6(1) Akta LLPK;

(ii) Terdapat perlanggaran terhadap peruntukan di bawah s. 3(2) dan s. 3(3) Akta LLPK;

(iii) Terdapat perlanggaran terhadap peruntukkan di bawah s. 5(2), (3) dan (4) Akta LLPK dan bahawa pegawai penyiasat tidak berkelayakan;

(iv) Isi kandungan perintah tahanan telah tidak diterangkan dengan jelas kepada pemohon;

(v) Panel Lembaga Penasihat yang mendengar representasi pemohon tidak mempunyai kelayakan dan tidak ditubuhkan secara sah mengikut Perlembagaan Persekutuan dan terdapat perlanggaran terhadap s. 10 Akta LLPK; dan

(vi) Penahanan pemohon langsung tidak berasas.

[4] Walau bagaimanapun, semasa pendengaran notis usul tersebut, peguambela terpelajar Tn Hj Hisyam Teh Poh Teik telah hanya meneruskan dengan tiga alasan berikut:

(i) Terdapat perlanggaran terhadap peruntukan di bawah s. 6(1) Akta LLPK oleh YB Timbalan Menteri;

(ii) Timbalan Menteri telah bertindak secara mekanikal dan tanpa menggunakan mindanya semasa mengeluarkan Perintah Tahanan; dan

(iii) Mahkamah ini mempunyai bidangkuasa semulajadi sepenuhnya untuk mengelakkan ketidakadilan dengan membebaskan pemohon dari tahanan.

A **Hujahan Peguambela Terpelajar**

[5] Peguambela berhujah bahawa Timbalan Menteri telah gagal untuk mematuhi peruntukan di bawah s. 6(1) Akta LLPK dimana di bawah peruntukkan tersebut memerlukan Timbalan Menteri
B berkenaan berpuashati atas dua perkara sebelum mengeluarkan Perintah Tahanan iaitu:

(i) Puashati bahawa pemohon pernah/sedang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah; dan

C (ii) Puashati bahawa adalah perlu pemohon ditahan demi ketenteraman awam.

[6] Dihujahkan Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri dalam kes ini tidak menyebut bahawa beliau telah
D berpuashati adalah perlu bagi pemohon ditahan demi ketenteraman awam. Kegagalan ini walaupun berbentuk teknikal tetapi ianya adalah 'fatal'. Peguambela berpegang kepada keputusan dalam kes *Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri & Anor v. Lee Gee Lam and Another Case* [1993] 4 CLJ 336; *Re Datuk James Wong Kim Min; Minister*
E *Of Home Affairs, Malaysia & Ors v. Datuk James Wong Kim Min* [1976] 1 LNS 129 dan *Puvaneswaran Murugiah v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Anor* [1991] 2 CLJ 1199; [1991] 3 CLJ (Rep) 649.

F **[7]** Peguambela juga berhujah bahawa Timbalan Menteri telah bertindak secara mekanikal tanpa menggunakan mindanya dalam mengeluarkan Perintah Tahanan terhadap pemohon. Peguambela telah merujuk kepada passport Antarabangsa pemohon serta surat pengesahan oleh Jabatan Imigresen Malaysia yang menunjukkan
G pemohon tidak berada di Malaysia bagi tempoh antara 25 Februari 2006 sehingga beliau datang semula ke Malaysia pada 3 Mac 2008. Namun pengataan-pengataan fakta menyatakan pemohon terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah jenis syabu mulai awal bulan Jun 2007 sehingga Julai 2007, semasa pemohon tidak berada
H di Malaysia. Peguambela juga telah mengemukakan brosur bagi menunjukkan bahawa Yow Chuan Plaza, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur, tempat dimana pemohon dikatakan menjalankan aktiviti pengedaran dadah telah dirobohkan sekitar bulan Disember 2008. Oleh itu pengataan-pengataan fakta yang menyatakan pemohon
I menjalankan aktiviti pengedaran dadah di antara bulan Ogos 2009 hingga 3 Februari 2010 di Yow Chuan Plaza adalah tidak benar. Atas alasan tersebut peguambela berhujah Timbalan Menteri telah bertindak secara mekanikal tanpa menggunakan mindanya dalam

mengeluarkan Perintah Tahanan terhadap pemohon. Peguambela telah merujuk kepada keputusan dalam kes *Re Application Of Tan Boon Liat @ Allen; Tan Boon Liat v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia & Ors* [1976] 1 LNS 126, *Karpal Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia & Anor* [1988] 1 CLJ 197; [1988] 1 CLJ (Rep) 632 dan *Lim Hock Siew & Ors v. Minister of the Interior and Defence* [1967] 1 LNS 87.

[8] Perkara ketiga yang dihujahkan oleh peguambela terpelajar adalah berkaitan dengan kuasa semulajadi mahkamah untuk mengelakkan berlakunya ketidakadilan dengan mengeluarkan perintah untuk membebaskan pemohon. Peguambela merujuk kepada kes *Asean Security Paper Mills Sdn Bhd v. Mitsui Sumitomo Insurance (Malaysia) Bhd* [2008] 6 CLJ 1 dan *Badan Peguam Malaysia v. Kerajaan Malaysia* [2009] 1 CLJ 833 bagi menyokong hujahan beliau.

Keputusan Mahkamah

[9] Setelah membaca dan meneliti afidavit sokongan yang difailkan oleh pemohon dan afidavit-afidavit jawapan yang difailkan oleh pihak responden dan setelah mendengar hujahan kedua belah pihak, saya berpuashati bahawa tidak ada berlaku ketidakpatuhan prosedur yang diperuntukkan di bawah Akta LLPK seperti didakwa oleh pemohon. Saya puashati penahanan pemohon telah dibuat menurut peruntukan dan kuasa undang-undang yang sah. Oleh itu, saya menolak notis usul oleh pemohon untuk writ *habeas corpus* dalam kes ini. Alasan-alasan penolakan tersebut adalah seperti berikut.

Perlanggaran s. 6(1) Akta LLPK

[10] Afidavit jawapan oleh Timbalan Menteri, YB Datuk Wira Abu Seman Yusof di lampiran 6 di perenggan 7 dan 8 jelas menunjukkan kepuasanhati Timbalan Menteri tersebut terhadap dua perkara yang disebutkan di bawah s. 6(1) Akta LLPK iaitu beliau telah berpuashati bahawa pemohon pernah atau sedang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah jenis syabu dan beliau juga berpuashati bahawa pemohon perlu ditahan demi ketenteraman awam. Para 7 dan 8 afidavit jawapan YB Timbalan Menteri tersebut diperturunkan semula seperti berikut:

A

7. Pada 2-4-2010 saya telah menerima laporan lengkap penyiasatan yang berkaitan dengan aktiviti Pemohon daripada Cif Inspektor Polis Sazali Bin Ahmad (I/13058) iaitu Pegawai Penyiasat Polis di bawah Seksyen 3(3) Akta tersebut. Selanjutnya, pada 15-4-2010 saya telah menerima laporan di bawah Seksyen 5(4) Akta tersebut dari Pegawai Siasatan Kementerian Intan Noorashikin Bt. Nasarudin. Daripada penelitian saya kepada kedua-dua laporan tersebut, saya berpuashati bahawa Pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) iaitu mengedar dadah berbahaya jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seperti tersenarai di bawah Jadual Pertama, Bahagian III Akta Dadah Berbahaya 1952 (akta 234). Penglibatan Pemohon telah memudaratkan ketenteraman awam dan tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 perlu diambil ke atas Pemohon. Seterusnya saya telah membuat satu Perintah Tahanan di bawah Seksyen 6(1) Akta tersebut bertarikh 16-4-2010 yang mengarahkan supaya Pemohon ditahan bagi tempoh dua (2) tahun mulai 18-4-2010 (selepas ini dirujuk sebagai "Perintah Tahan tersebut") di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor. Saya tidak dapat menzahirkan kes fail berkenaan aktiviti Pemohon kerana berpendapat dengan berbuat demikian bertentangan dengan kepentingan Negara menurut Seksyen 14 Akta tersebut dan perkara 151(3) Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, saya menuntut keistimewaan dan perlindungan di bawah peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

B

C

D

E

F

8. Selanjutnya, pada 16-4-2010 saya telah mengarahkan pegawai saya, Muhamad Aminudin Bin Che Omar untuk menyediakan penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan. Muhamad Aminudin Bin Che Omar kemudiannya telah melaksanakan arahan saya tersebut. Beliau selanjutnya telah menyediakan 3 salinan Perintah Tahanan tersebut dan 3 salinan penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan untuk semakan saya. Saya kemudiannya meneliti dokumen-dokumen tersebut dan saya berpuashati bahawa ia menepati dengan kehendak saya dan kepuashatian saya sebelum ini iaitu Pemohon perlu ditahan selama dua (2) tahun kerana Pemohon pernah ada atau sedang ada kaitan dengan apa-apa

G

H

I

aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya, seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234) iaitu mengedar dadah berbahaya jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine seperti tersenarai di bawah Jadual Pertama, Bahagian III Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234). Penglibatan Pemohon telah memudaratkan ketenteraman awam dan tindakan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 perlu diambil ke atas Pemohon. Ekoran dari itu, saya menurunkan tandatangan saya pada ketiga-tiga salinan Perintah Tahanan tersebut dan juga saya mengarahkan agar Muhamad Aminudin Bin Che Omar menandatangani ketiga-tiga penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan. Saya sesungguhnya percaya bahawa penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan tersebut telah diterangkan dan diserahkan kepada Pemohon pada tarikh yang sama Perintah Tahanan tersebut diserahkan kepada beliau. Sesalinan penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya saya membuat Perintah Tahanan tersebut dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya Perintah Tahanan tersebut diasaskan tersebut adalah turut dilampirkan dan ditandakan sebagai ekshibit "SA-1" dalam Afidavit Cif Inspektor Polis Sazali Bin Ahmad.

[11] Perintah tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri menyatakan seperti berikut:

Bahawasanya selepas menimbangkan laporan lengkap penyiasatan dan laporan Pegawai Siasatan yang dikemukakan, saya adalah berpuashati bahawa orang yang namanya tersebut di bawah pernah ada atau sedang ada kaitan dengan aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya dan adalah perlu bagi ketenteraman awam supaya penama ditahan.

[12] Adalah jelas kepada mahkamah ini bahawa kandungan afidavit jawapan Timbalan Menteri di perenggan 7 dan 8 di atas serta perintah tahanan telah menunjukkan kepada kepuasanhati Timbalan Menteri berkenaan. Perkataan 'berpuashati' yang terdapat dalam Perintah Tahanan yang ditandatangani oleh Timbalan Menteri hendaklah dibaca secara bersama-sama iaitu beliau berpuashati pemohon telah atau sedang terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah dan berpuashati demi ketenteraman awam pemohon perlu

A ditahan memandangkan perkataan 'dan' telah digunakan selepas perkataan-perkataan 'aktiviti yang berhubungan dengan atau yang melibatkan pengedaran dadah berbahaya'. Maksud yang sama tentang kepuasanhati Timbalan Menteri tersebut dicerminkan dalam para. 7 dan 8 afidavit jawapan Timbalan Menteri tersebut.

B

Timbalan Menteri Bertindak Secara Mekanikal Tanpa Menggunakan Minda

[13] Perenggan 10 afidavit jawapan Timbalan Menteri yang sama telah menafikan dakwaan peguambela mengenai perkara ini. Perenggan 10 afidavit jawapan tersebut menyatakan seperti berikut:

C

> 10. Selanjutnya saya merujuk kepada perenggan 4 dalam Afidavit Pemohon, saya menolak dakwaan Pemohon bahawa saya telah bertindak secara mekanikal dan arbitrari dalam mengeluarkan perintah tersebut. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa semua tindakan yang diambil adalah menurut kuasa dalam peruntukan undang-undang mengenai sesuatu Perintah Tahanan. Saya juga menegaskan sekeras-kerasnya bahawa saya telah menggunakan minda saya dalam mengeluarkan Perintah Tahanan tersebut. Saya sesungguhnya telah mengaplikasikan fikiran dan minda saya dalam mematuhi peraturan undang-undang dalam mengeluarkan Perintah Tahanan sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Akta tersebut. Saya juga menegaskan bahawa penyataan mengenai alasan-alasan yang atasnya perintah itu dibuat dan Pengataan-Pengataan Fakta yang atasnya perintah itu diasaskan adalah sah dan sempurna tanpa ada sebarang kecacatan serta termasuk dalam lingkungan perkara dan skop Seksyen 6(1) Akta tersebut. Justeru itu saya sesungguhnya menolak dakwaan Pemohon yang menyatakan bahawa saya telah bertindak secara mekanikal dan arbitrari dalam mengeluarkan perintah tersebut. Saya juga ingin menyatakan bahawa Perintah Tahanan yang telah dikeluarkan adalah sempurna setelah saya mengkaji alasan-alasan dan laporan siasatan berdasarkan kepada fail siasatan dan laporan hal penangkapan dan tahanan terhadap Pemohon.

D

E

F

G

H

[14] Jelas Timbalan Menteri telah menggunakan minda sebelum mengeluarkan Perintah Tahanan ke atas pemohon. Walaupun, peguambela mengemukakan bukti bagi menafikan sebahagian pengataan-pengataan fakta yang melibatkan tarikh Jun - Julai 2007 dan bahawa Yow Chuan Plaza telah dirobohkan pada sekitar bulan Disember 2008, namun sebahagian daripada pengataan-

I

pengataan fakta yang berkaitan dengan tempoh antara bulan Ogos 2009 hingga 3 Februari 2010 serta penglibatan dalam aktiviti pengedaran dadah yang berlaku di McDonald Ampang Park, Kuala Lumpur tidak dicabar oleh peguambela pemohon. Pengataan-pengataan fakta yang menjadi asas Perintah Tahanan ke atas pemohon adalah seperti berikut:

1. Bahawa kamu didapati terlibat dengan aktiviti pengedaran dadah berbahaya jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine di antara awal bulan Jun 2007 hingga Julai 2007 dan di antara bulan Ogos 2009 hingga 3-2-2010 di Kedai Carpet, Tkt. 2, Yow Chuan Plaza, Jalan Tun Razak dan di McDonald Ampang Park, Kuala Lumpur.

2. Bahawa kamu didapati menjual dadah jenis Syabu yang mengandungi dadah berbahaya jenis Methamphetamine dalam bentuk 150 gram berharga RM25,500.00, bentuk 3 kilogram berharga RM420,000.00 (3 kg) dan dalam bentuk 1 kilogram berharga RM160,000.00 untuk tujuan pengedaran.

[15] Dalam kes *Karam Singh v. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Minister of Home Affairs), Malaysia* [1969] 1 LNS 65; [1969] 2 MLJ 129, telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di held (3) dan (4) seperti berikut:

(3) the vagueness, insufficiency or irrelevance of the allegations of fact supplied to the appellant did not relate back to the order of detention and could not render unlawful detention under a valid order of detention; if, however, the appellant thought that the allegations were vague, insufficient or irrelevant he should have asked for particulars;

(4) the question whether there was reasonable cause to detain the appellant was a matter of opinion and policy, a decision which could only be taken by the executive.

Isu Bidangkuasa

[16] Dalam kes *Lee Kew Sang v. Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia & Ors* [2005] 3 CLJ 914 telah diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan bahawa hanya jika berlakunya ketidakpatuhan atau pelanggaran kepada mana-mana kehendak atau keperluan prosedur di bawah Akta LLPK, maka barulah semakan kehakiman boleh dilakukan. Hakim Abdul Hamid Mohamed HMP dalam kes tersebut telah mengariskan prinsip undang-undang tersebut, seperti berikut:

A In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a *habeas corpus* application where the detention order of the Minsiter made under s. 4(1) of the Ordinance or, for the matter, the equivalent ss. In ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should do is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down the procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

[17] Dalam kes ini, saya mendapati pemohon telah gagal untuk menunjukkan bukti-bukti bahawa terdapat ketidakpatuhan atau perlanggaran mana-mana kehendak atau keperluan prosedur seperti digariskan di bawah Akta LLPK. Dakwaan pemohon bahawa terdapat perlanggaran terhadap s. 6(1) Akta LLPK tidak dibuktikan. Saya mendapati Perintah Tahanan yang dikeluarkan oleh Timbalan Menteri untuk menahan pemohon selama dua tahun di PPA Simpang Renggam telah dibuat dengan menggunakan kuasa di bawah peruntukan undang-undang yang sah dan penahanan pemohon disini adalah sah dan mengikut undang-undang.

Kesimpulan

[18] Atas alasan-alasan yang dihuraikan di atas, notis usul yang difailkan oleh pemohon di lampiran 3 bagi permohonan writ *habeas corpus* adalah ditolak.